

# ورتا قنرغن *Warta Penerangan*



OGOS 2017





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Unit Penerbitan Melayu

Rekaletak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

PMP sebagai perantaraan dua hala antara kerajaan dan rakyat	5
Rombongan pegawai Malaysia mulakan Program Pertukaran ke NBD	6
Kunjungan Hormat Pegawai Malaysia ke Jabatan Penerangan	6
Wawasan 2035 penting demi masa depan harmoni	7
Rombongan Malaysia lawat Pusat Sejarah Brunei	7
Majlis Makan Malam Program Pertukaran Pegawai	8
Jabatan Penerangan alu-alukan rakan sejawat dari Malaysia	8-9
Rombongan Malaysia lawat Jabatan Daerah Tutong	9-10
Menjadikan BSB 'Bandar dalam Taman'	10
Produk pelancongan tarik kemasukan pelancong	11
Eratkan silaturahim Program Pertukaran Pegawai	11
Program Awasi Anak Kitani di Mukim Tanjong Maya	12
Wadah pembentukan minda positif	13
Pelajar sebagai ejen penyebaran maklumat positif	13-14
Sebar luaskan maklumat semasa kepada pelajar	14
Usaha semai semangat patriotisme pelajar terus digiatkan	15
Hormati lagu kebangsaan dan bendera negara	16
Hormati lambang perpaduan negara	17
Peristiwa Penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Bakal jemaah haji Jabatan Penerangan terima sumbangan	18
Sesi perkongsian slaid pembentangan Sistem Pentadbiran Kerajaan	18
Program Sua Muka dekati Kampung Sungai Kelugos	19
Melestari ASEAN kalangan penuntut	20
Ketibaan rombongan PPPPM Thailand	20-21
Jabatan Penerangan terima kunjungan PPPPM Thailand	21
Rombongan Thailand adakan lawatan	22
Penerima Bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B)	23
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# PMP sebagai perantaraan dua hala antara kerajaan dan rakyat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad / Foto : Hamzah Mohidin



*PROGRAM Muzakarah Penerangan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Mentiri dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.*

**M**ENTIRI, Khamis, 10 Ogos. - Dalam meningkatkan hubungan dua hala di antara kerajaan dengan penduduk mukim, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Mentiri Tahun 2017.

Program muzakarah yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Mentiri dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang antara lain menjelaskan bahawa PMP menjadi perantaraan dua hala di antara kerajaan dengan rakyat serta penduduk mukim dan kampung di samping dapat meningkatkan komitmen, keprihatinan dan pemedulian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Antara isu-isu dan cadangan yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kesejahteraan penduduk dan kemudahan awam.

Ahli-ahli panel muzakarah terdiri daripada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan jabatan-jabatan kerajaan.

Juga hadir, Penghulu Mukim Mentiri, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Naim dan ketua-ketua kampung dari Mukim Mentiri, pegawai-pegawai kanan, pegawai perhubungan awam dan kakitangan dari pelbagai agensi kerajaan dan para penduduk kampung di bawah tadahan



*PENGHULU dan ketua-ketua kampung dari Mukim Mentiri yang hadir dalam Program Muzakarah Penerangan.*



*PENDUDUK dari Mukim Mentiri semasa hadir pada sesi permuzakarahan tersebut.*

## Rombongan pegawai Malaysia mulakan Program Pertukaran ke NBD

Oleh : Nooratini Haji Abas / Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Ogos. - Empat Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam dari Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia selamat tiba di negara ini bagi mengikuti Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Ketibaan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei diketuai oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan Malaysia, Encik Erwin Khairul bin Ahmad.

Program pertukaran tersebut merupakan salah satu projek yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia dalam bidang penerangan.

Ia bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta berkongsi maklumat tentang peranan dan fungsi masing-masing selaku telinga, mata dan lidah kerajaan

kedua-dua negara ke arah memelihara, meningkatkan dan mencemerlangkan lagi imej Raja, negara serta kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat juga berwibawa.

Rombongan tersebut berada di negara ini selama lima hari bermula 6 hingga 10 Ogos.



*KETUA rombongan Timbalan Pengarah Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan Malaysia, Erwin Khairul bin Ahmad (dua, kiri) bersama rombongan bergambar kenangan bersama para pegawai Jabatan Penerangan Brunei.*

## Kunjungan Hormat Pegawai Malaysia Ke Jabatan Penerangan

Oleh : Nooratini Haji Abas / Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ERAKAS, Isnin, 7 Ogos. -Pemangku Pengarah Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hari ini menerima Kunjungan Hormat dari empat orang pegawai Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam di Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan.

Kunjungan tersebut bertujuan bagi mengukuhkan lagi jalinan muhibah antara kedua-dua pihak agar ianya akan terus dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Ia juga adalah satu landasan bagi mereka untuk bertukar-tukar pandangan dalam pelbagai hala amnya dan dalam aspek tugas serta tanggungjawab jabatan masing-masing.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menerima kunjungan hormat dari Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia.*



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bergambar kenangan bersama Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia.*

# Wawasan 2035 penting demi masa depan harmoni

Oleh : Nooratini Haji Abas / Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ERAKAS, Isnin, 7 Ogos. - Beberapa inisiatif dan perkembangan terkini dapat dilihat ke arah menuju wawasan negara termasuk dalam bidang pendidikan, sumber tenaga manusia, sektor kesihatan, infrastruktur dan peningkatan keberkesanan dan produktiviti sektor awam.

Rombongan juga berkesempatan mendengar Taklimat Wawasan Brunei 2035 yang disampaikan oleh Pegawai-Pegawai Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Tiga matlamat wawasan berkenaan iaitu rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti kehidupan rakyat dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.



*SESI Taklimat mengenai 'Wawasan 2035' khas untuk Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia.*



*SERAMAI empat pegawai Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan Malaysia, Encik Erwin Khairul bin Ahmad.*

## Rombongan Malaysia lawat Pusat Sejarah Brunei

Oleh : Marlinawaty Hussin / Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Ogos. - Rombongan Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam dari Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia mengadakan lawatan ke Pusat Sejarah Brunei (PSB), di ibu negara.

Rombongan berpeluang menyaksikan pameran di Dewan Pameran Salasilah dan Galeri Koleksi Manuskrip Brunei serta mendengarkan penjelasan mengenai pameran berkenaan daripada kakitangan PSB.

Terdahulu, Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Hanafi bin Haji Salleh mengalu-alukan kedatangan rombongan pelawat yang diselajurkan dengan taklimat di Bilik Musyawarah, PSB.

Rombongan seterusnya menyaksikan tayangan video korporat mengenai sejarah penubuhan, visi dan misi Pusat Sejarah berkenaan.



*ROMBONGAN dari Malaysia semasa mengadakan lawatan ke Pusat Sejarah Brunei. (atas dan bawah).*



## Majlis Makan Malam Program Pertukaran Pegawai

Oleh : Aimi Sani / Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Ogos. - Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam diteruskan lagi dengan Majlis Makan Malam bertempat di Restoran Tarindak D'Seni, Bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, di ibu negara.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bergambar kenangan bersama Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia.*

Hadir pada majlis malam tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Ali Omar.



*SUASANA semasa Majlis Makan Malam di Restoran Tarindak D'Seni, Bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan.*

## Jabatan Penerangan alu-alukan rakan sejawat dari Malaysia

Oleh : Marlinawaty Hussin / Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**B**ERAKAS, Selasa, 8 Ogos. - Rombongan Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam meneruskan sesi lawatan ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Semasa lawatan, rombongan diberikan taklimat oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli mengenai strategi kerja Jabatan Penerangan.

Rombongan seterusnya menyaksikan tayangan video 'Ristaan Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun' sebelum mengajukan pertanyaan pada sesi soal jawab.

Rombongan juga berkesempatan mengadakan lawatan ke Bahagian Pelita Brunei.



*TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli.*



*ROMBONGAN Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam semasa mendengarkan taklimat mengenai strategi kerja Jabatan Penerangan.*

## Rombongan Malaysia lawat Jabatan Daerah Tutong

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**T**UTONG, Selasa, 8 Ogos. - Rombongan Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam dari Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia hari ini meneruskan lawatan ke Jabatan Daerah Tutong.

Rombongan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan Malaysia, Encik Erwin Khairul bin Ahmad dianggotai oleh empat Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam dari Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

Ketibaan rombongan di Jabatan Daerah Tutong dialu-alukan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Sebelum mengakhiri lawatan di Jabatan Daerah Tutong, rombongan dibawa melawat ke Pondok 1K1P iaitu Satu Kampung Satu Produk Daerah Tutong.

Rombongan kemudian meneruskan lawatan ke tapak ternakan udang seluas 200 hektar di Syarikat Golden Corporations, Kampung Serambangun. Ketibaan rombongan di Golden Corporations, di sini dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Golden Corporations, Mr. Desmond Lim.



*PEGAWAI Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia dibawa menyaksikan lebih dekat lagi berkenaan dengan Golden Corporations Sdn. Bhd., bertempat di Serambangun Tutong.*



*PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain semasa menerima kunjungan Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia ke Jabatan Daerah Tutong dan Golden Corporation Sdn. Bhd., Serambangun Tutong.*



*PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain bergambar kenangan bersama Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Daerah Tutong.*

## Menjadikan BSB ‘Bandar dalam Taman’

Oleh : Aimi Sani / Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Ogos. - Antara Pelan Perancangan Strategik Jabatan Bandaran ialah menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai sebuah bandar raya dan destinasi pelancongan yang menarik dan indah dengan ciri-ciri keunikan istimewa serta mempunyai kebudayaan, khazanah dan warisan sejarah tersendiri.

Menurut Pegawai Bandaran, Dayang Masridah binti Haji Mahmud, Pelan Perancangan Strategik jabatan berkenaan juga berhasrat untuk menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai ‘Bandar dalam Taman’ (City in the Garden) dan mempunyai alam sekitar yang bersih dan bebas pencemaran.

Beliau menggariskan perkara itu dalam taklimatnya sempena lawatan Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bilik Syura, Jabatan Bandaran.

Sesi taklimat tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali bin Matyassin.



*ROMBONGAN delegasi Malaysia ketika mendengarkan taklimat semasa lawatan tersebut.*



*SESI taklimat tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali bin Matyassin.*

# Produk pelancongan tarik kemasukan pelancong

Oleh : Marlinawaty Hussin / Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



*ROMBONGAN* diketuai oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan Malaysia, Encik Erwin Khairul bin Ahmad mengadakan lawatan ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan diberikan taklimat mengenai produk-produk pelancongan di negara ini dan seterusnya menyaksikan tayangan klip-klip video mengenai beberapa tempat yang menarik untuk dilawati di Negara Brunei Darussalam.

## Eratkan silaturahim Program Pertukaran Pegawai


Foto : Syahi Haji Ludin



*PEMANGKU* Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bergambar kenangan bersama Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia semasa Majlis Makan Malam dengan menaiki River Cruise menyusuri Sungai Brunei.



*PEMANGKU* Pengarah Penerangan sewaktu beramah mesra dengan Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia seurus sebelum menaiki River Cruise.



*KELIHATAN* Jambatan Sungai Kebun yang tersergam indah.

# Program Awasi Anak Kitani di Mukim Tanjong Maya

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**T**UTONG, Rabu, 23 Ogos. - Ibu bapa memainkan peranan penting untuk mengawasi anak masing-masing agar tidak terjerumus dengan perangkap dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Justeru Cawangan Penerangan daerah ini dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Pejabat Peguam Negara (PPN) serta Majlis Perundingan Tanjong Maya, Tutong mengadakan Program Awasi Anak Kitani di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Tanjong Maya.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar; pegawai kanan Jabatan Penerangan; BKN; JKDN; PPN serta penduduk di bawah mukim berkenaan.



*TETAMU kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.*

Dalam ucapan Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A. Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Awasi Anak Kitani, antara lain menjelaskan bahawa program tersebut adalah salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim di seluruh negara secara berterusan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa atau penjaga dan tidak lupa juga belia-belia tentang pencegahan daripada gejala penyalahgunaan dadah dan aktiviti yang tidak sihat yang akan disampaikan oleh pihak BKN.

Sesi soal jawab juga diadakan selepas taklimat bagi menguatkan lagi kefahaman para jemputan yang menghadiri program tersebut dan seterusnya menyaksikan bahan pameran dari BKN dan JKDN.

Program tersebut diwujudkan bagi menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa atau penjaga tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.



*TETAMU kehormat semasa menyaksikan pameran.*



*AWANG Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi dari Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara menyampaikan taklimat 'Jenayah Siber'.*



*PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A.Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Awasi Anak Kitani semasa berucap.*

# Wadah pembentukan minda positif

Oleh : Aimi Sani / Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Sabtu, 12 Ogos. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dihasrat untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Program RRP anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan kali ini menyasarkan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Kluster 4, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.



*HADIR selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Kluster 4, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.*



*ANTARA persembahan daripada para pelajar.*

Juga hadir, Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh, selaku Pengerusi Bersama program berkenaan serta tenaga pengajar.

Taklimat dimulai dengan tayangan video ‘Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah’ diikuti dengan video ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’, klip video animasi ‘Tatacara Menaikkan Bendera’ serta klip video aplikasi mudah alih ‘InfoDeptBN’.

Acara diteruskan dengan taklimat ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

## Pelajar sebagai ejen penyebaran maklumat positif

Oleh : Noraisah Haji Muhammed / Foto : Syahi Haji Ludin

**LUMUT**, Sabtu, 19 Ogos. - Menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya. Itulah antara matlamat Program Rakan Remaja Penerangan.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait telah mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Lumut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Kluster 6, Dayang Annie Sindai dari Kementerian Pendidikan. Turut hadir ialah tenaga pengajar serta kakitangan dan 240 pelajar Tahun 9 dan 217 pelajar Tahun 10 sekolah tersebut.

Program dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan Lagu Patriotik ‘Bendera Negara’ yang diiringi oleh penuntut-penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah berkenaan. Diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Lumut, Dayang Halizawati binti Haji Kepli.

Taklimat Kenegaraan dimulai dengan tayangan video ‘Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah’ dan diteruskan dengan taklimat bertajuk ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ dari Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.



**HADIR** selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Kluster 6, Dayang Annie Sindai dari Kementerian Pendidikan.



**PARA** pelajar semasa diajukan soalan.

## Sebar luaskan maklumat semasa kepada pelajar

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Sementara itu pada hari Isnin, 21 Ogos, program yang sama diadakan di Auditorium Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), Kampung Bukit Beruang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Bersama.



**PENUNTUT-PENUNTUT** Sekolah Menengah Sayyidina Othman tekun mengambil nota semasa Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan disampaikan pada Program Rakan Remaja Penerangan di sekolah tersebut.



**PENOLONG** Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan pada Program Rakan Remaja Penerangan di Sekolah Menengah Sayyidina Othman.



**PROGRAM** Rakan Remaja Penerangan dihasratkan untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan belia dan remaja.

# Usaha semai semangat patriotisme pelajar terus digiatkan

Oleh : Khartini Hamir / Mohd. Amirul Hilmi Jali

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah / Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' di Dewan Kuliah 2, Bangunan Baharu Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Ia disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad, yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara, pemeliharaan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Sejurus taklimat, para pelajar menyaksikan tayangan klip video yang didahului dengan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan, seterusnya diikuti dengan klip video 'Semarak Pengibaran Bendera Negara'; 'Kibarkan Bendera Negara Kitani' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara'.

Selain itu, para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Dayang Dona Azfina binti Ibrahim. Para pemenang Kuiz Kenegaraan menerima hadiah masing-masing, diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada pihak sekolah di penghujung program.

*ANTARA penuntut-penuntut yang hadir.*

Sementara itu pada hari Isnin, 21 Ogos, taklimat yang sama diadakan di Sekolah Menengah Rimba I yang dihadiri seramai 118 orang penuntut dari Tahun 7 sekolah berkenaan.

Hadir sama mengikuti taklimat tersebut ialah Pengetua Sekolah, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yusoff dan tenaga-tenaga pengajar sekolah.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.



*PENGETUA Sekolah Menengah Rimba I, Malai Haji Shah Eran bin Syed Haji Yusoff berserta tenaga-tenaga pengajar SM Rimba I ketika hadir pada Taklimat Kenegaraan Jabatan Penerangan.*

Hadir mengikuti taklimat tersebut ialah Pengetua STPRI, Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad, timbalan pengetua, guru-guru kanan, guru-guru dan lebih daripada 170 penuntut dari Tahun 7, sekolah berkenaan.



*TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad.*



*TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.*

# Hormati lagu kebangsaan dan bendera negara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad / Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**T**UTONG, Khamis, 17 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Dewan Kumpul, Sekolah Menengah Muda Hashim.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.



*TAKLIMAT* Kenegaraan, 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan dan para pemenang kuiz menerima hadiah.

Turut hadir, Timbalan Pengetua (Akademik), Dayang Hajah Adimah binti Mohd. Said, tenaga-tenaga pengajar sekolah dan seramai 123 penuntut dari Tahun 7 sekolah berkenaan.



*SEBAHAGIAN* daripada penuntut dari Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong yang hadir.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Sementara itu pada hari Rabu, 23 Ogos, taklimat yang sama diadakan di Sekolah Menengah Awang Semaun yang dihadiri seramai 150 orang penuntut sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad.



*PEMANGKU* Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad menyampaikan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' kepada pelajar Sekolah Menengah Awang Semaun.



*PELAJAR-PELAJAR* Sekolah Menengah Awang Semaun mendengar taklimat yang disampaikan.

# Hormati lambang perpaduan negara

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**S**ALAMBIGAR, Isnin, 28 Ogos. - Dalam usaha berterusan untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan para penuntut agar menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertempat di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Taklimat Kenegaraan turut diisikan dengan tayangan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’ dan video ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ yang dihadiri lebih 196 pelajar Tahun 7 sekolah berkenaan.

Sesi taklimat diakhiri dengan sesi Kuiz Kenegaraan dengan penyertaan aktif daripada para pelajar.

Turut hadir, pegawai-pegawai dan guru-guru sekolah berkenaan.




*KETUA Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan Taklimat Kenegaraan.*



*SEBAHAGIAN daripada pelajar yang hadir mengikuti Taklimat Kenegaraan.*

## Peristiwa Penting Jabatan Penerangan

**P**ELITA Brunei keluaran 9 Ogos 1967 mencatatkan bahawa Rancangan Perpindahan Berakas yang berdekatan dengan Lapangan Terbang Lama telah digabungkan menjadi dua buah kampung dikenali sebagai Kampung Jaya Bakti dan Kampung Jaya Setia. Rancangan Perpindahan Berakas dilancarkan dalam tahun 1962 yang terdapat banyak kemudahan seperti klinik, padang permainan, pasar ikan, sekolah dan masjid.



### Pedoman

**“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu: lapangkanlah tempat duduk di masjid-masjid (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan: berdirilah, hendaklah kau berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”**

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11)

# Bakal jemaah haji Jabatan Penerangan terima sumbangan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Ogos. - Jabatan Penerangan mengadakan Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Sumbangan Derma bagi pegawai dan kakitangan yang akan mengerjakan ibadah haji pada tahun 1438 Hijrah/2017 Masihi berlangsung di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, serta pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah disusuli dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Mahmud Hafizie bin Haji Masshod.

Atur cara diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma dari tetamu kehormat kepada dua orang warga Penerangan yang akan menunaikan ibadah rukun kelima tersebut.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir dalam Majlis Doa Selamat Bagi Bakal Jemaah Haji Jabatan Penerangan Tahun 1438H / 2017M.*



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sumbangan kepada Awang Hashim bin Haji Murah, Pembantu Pejabat Cawangan Penerangan Tutong dan Dayang Timah binti OKB Haji Ali, Pembantu kerani di Unit Sokongan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan yang akan menunaikan ibadah haji bagi tahun 1438H/2017M.*



## Sesi perkongsian slaid pembentangan Sistem Pentadbiran Kerajaan

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Ogos. - Sesi perkongsian slaid pembentangan Sistem Pentadbiran Kerajaan disampaikan oleh Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Sesi perkongsian tersebut dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



*SESI perkongsian tersebut dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.*

# Program Sua Muka dekati Kampung Sungai Kelugos

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**ROMBONGAN** Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung dan Ahli-ahli MPK Sungai Kelugos dalam Program Sua Muka Jabatan Penerangan.

**T**UTONG, Khamis, 24 Ogos. - Dalam usaha untuk mendekati penduduk kampung di negara ini, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong meneruskan lagi Program Sua Muka yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Sungai Kelugos, Mukim Keriam, Awang Haji Ismail bin Haji Mohammad.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pihak Majlis Perundingan Kampung antara lain mengongsikan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan mukim dan kampung, sementara pihak jabatan mengongsikan maklumat-maklumat penting dengan lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah



**ROMBONGAN** Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dalam Program Sua Muka bagi Kampung Sungai Kelugos di Daerah Tutong.



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Sungai Kelugos, Awang Haji Ismail bin Haji Mohammad pada akhir majlis Program Sua Muka bagi kampung tersebut.

Syar'iah 2013, keusahawanan serta Program Masyarakat Bermaklumat sebagai landasan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu komunikasi bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan rakyat dan juga sebagai salah satu aktiviti berterusan yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Tutong.

Dengan adanya program sedemikian ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat di antara kerajaan dengan rakyat.

## Melestari ASEAN kalangan penuntut

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**B**ANGAR, Isnin, 21 Ogos. - Negara Brunei Darussalam merupakan ahli dalam Pertubuhan ASEAN sejak ia mencapai kemerdekaan lebih 30 tahun bersama-sama dengan sembilan negara ahli ASEAN lainnya, iaitu Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Perkara tersebut antara butiran yang disampaikan semasa Program Jerayawara Kenali ASEAN bagi penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan dan Sekolah Persediaan Arab, Temburong yang diadakan di Dewan Belalong, Pekan Bangar, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah Sultan Hassan, Awang Wafi Sia bin Abdullah Sia. Juga hadir ialah Guru Besar Sekolah Persediaan Arab, Temburong, Awang Morsidi bin Haji Tuah.

Program anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa yang juga merupakan Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN - COCI bertujuan untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai ASEAN kepada penuntut sekolah dan menanamkan kesedaran sebagai satu masyarakat ASEAN juga diisikan dengan sesi kuiz.

Seramai 472 pelajar Tahun 7, 8 dan 9 daripada kedua-dua sekolah mendengarkan taklimat secara interaktif yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II yang juga Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa di Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Sebelum majlis berakhir, Guru Besar Sekolah Persediaan Arab, Temburong turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para peserta kuiz.



*PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II yang merupakan Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa di Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan semasa menyampaikan taklimat.*



*GURU Besar Sekolah Persediaan Arab, Temburong, Awang Morsidi bin Haji Tuah turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada peserta-peserta kuiz.*

## Ketibaan rombongan PPPPM Thailand

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Ogos. - Seramai tiga Pegawai Penerangan dan Media dari Public Relations Department (PRD) Thailand berada di Negara Brunei Darussalam bagi mengikuti Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media (PPPPM) Thailand ke Negara Brunei Darussalam.

Ketibaan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Berakas itu, diketuai oleh Head of MoU Cooperation, International Cooperation Division, Foreign Office, PRD Thailand, Puan Siriwan Dampreeda.

Program pertukaran itu merupakan salah satu projek yang telah dipersetujui pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand dalam bidang penerangan.

Rombongan tersebut berada di Negara Brunei Darussalam selama lima hari bermula hari ini hingga 1 September 2017.

PPPPM ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta berkongsi maklumat tentang peranan dan fungsi masing-masing selaku telinga, mata dan lidah kerajaan kedua-dua negara ke arah memelihara, meningkatkan dan mencemerlangkan imej Raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.



*TIGA Pegawai Penerangan dan Media dari Public Relations Department (PRD) Thailand yang mengikuti Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media (PPPPM) tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas.*

## Jabatan Penerangan terima kunjungan PPPPM Thailand

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Ogos. Rombongan Pegawai Penerangan dan Media dari Public Relations Department (PRD) Thailand membuat kunjungan hormat kepada Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Pada perjumpaan tersebut, kedua-dua belah pihak berkesempatan bagi bertukar-tukar bahan-bahan bercetak terbitan organisasi masing-masing.

Semasa berada di Jabatan Penerangan, para delegasi juga turut diberikan taklimat mengenai strategi kerja Jabatan Penerangan yang merangkumi tiga strategi kerja, iaitu Komunikasi Bersemuka, Media Cetak dan Media Baharu yang disampaikan oleh Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli.

Rombongan seterusnya dibawa melawat sekitar pameran yang diadakan di ruang lobi jabatan berkenaan dan seterusnya beredar ke Bahagian Pelita Brunei yang merupakan akhbar rasmi kerajaan.

Sebelum mengakhiri lawatan rombongan turut dibawa melawat ke perpustakaan jabatan tersebut.



*ROMBONGAN diberikan taklimat mengenai Strategi Kerja Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli.*



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyerahkan bahan terbitan kepada Ketua Delegasi dari Thailand, Head of MoU Cooperation Division, Foreign Office, Public Relations Department, Puan Siriwan Dampreda.*



*ROMBONGAN semasa melawat Bahagian Pelita Brunei.*

# Rombongan Thailand adakan lawatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid / Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman / Aimi Sani/Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/ Syahi Haji Ludin

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Ogos. - Rombongan dibawa melawat ke salah sebuah agensi kerajaan, iaitu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Sementara itu pada hari Rabu, 30 Ogos, rombongan mengadakan lawatan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Brunei Press Sdn. Bhd. seterusnya pada hari Khamis, 31 Ogos, lawatan diadakan di Pusat Sejarah, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Kampong Ayer.



*ROMBONGAN berkenaan diberikan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, KSSUP, Dayang Salina binti Salleh.*



*ROMBONGAN semasa mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Awang Md. Mahdi bin Haji Md. Yassin dan Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Haliza binti Kilali ketika lawatan ke Radio Televisyen Brunei.*



*ROMBONGAN ketika mendengarkan taklimat oleh Penolong Pemangku Pengarah Pusat Pembangunan Belia, Awang Haswandi bin Haji Osman.*



*ROMBONGAN bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Brunei Press Sdn. Bhd.*



*BANGUNAN Alat-Alat Kebesaran Diraja menjadi tumpuan lawatan rombongan Pegawai Penerangan dan Media dari Jabatan Perhubungan Awam (PRD) Thailand.*



*PEGAWAI Sejarah Kanan, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad menyampaikan cenderahati semasa rombongan mengadakan lawatan ke Pusat Sejarah.*



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bergambar kenangan bersama Pegawai Penerangan dan Media Thailand semasa Majlis Makan Malam.*

# Penerima Bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B)



Pg. Hajah Fatimah binti Pg.Haji Md. Noor  
Penolong Penyunting Tingkat I  
Meja Kandungan Khas  
Bahagian Pelita Brunei

## Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus / bengkel pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENGGEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH
Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini	Pegawai Penerangan Kanan	Effectives Stakeholder Engagement	7 - 9 Ogos 2017
Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah@Dk. Nasibahanim binti Pg. Haji Bakar	Pegawai Penerangan	Effectives Stakeholder Engagement	7 - 9 Ogos 2017
Awang Mohammad Hisyam bin Idris	Pegawai Penerangan	Effectives Stakeholder Engagement	7 - 9 Ogos 2017
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad	Pemangku Pegawai Penerangan/ Penolong Pegawai Penerangan	Effectives Stakeholder Engagement	7 - 9 Ogos 2017

## Pegawai Penerangan memberi taklimat pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	NAMA TAKLIMAT & TEMPAT	TARIKH
Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerma Haji Jaya	Pegawai Penerangan	Sistem Pentadbiran Kerajaan- IPA	14 Ogos 2017

## Penempatan Kerja

NAMA	UNIVERSITI	JURUSAN	TARIKH
Dayang Siti Nurul Nabilah binti Haji Johari	University of Kent, United Kingdom	Politics and International Relations	10 - 31 Ogos 2017

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



Like us on  
Facebook

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept\_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242